



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051
Email: kp@dvs.gov.my / pro@dvs.gov.my



KENYATAAN MEDIA

BERKAITAN

WUJUDKAN KONSORTIUM TERNAKAN NEGARA

Surat daripada En. Mohamad Ghazali kepada Utusan Malaysia bertarikh 22 Ogos 2017 adalah amat menarik. Permintaan untuk lembu terutama di dalam musim korban amat tinggi. Pada tahun 2017, dianggarkan permintaan ternakan korban adalah 44,000 ekor dan dari jumlah tersebut 54% atau 24,000 ekor ternakan yang diperlukan untuk korban adalah terdiri daripada ternakan tempatan. Ini menunjukkan DVS telah memainkan peranan untuk meningkatkan populasi ternakan negara melalui program-programnya.

Selain itu penubuhan Lembaga Tensu Negara pada tahun depan dengan program peningkatan pengeluaran susu negara akan memberi impak meningkatkan pengeluaran pedaging melalui anak-anak pejantan dari ternakan tensu yang boleh dijadikan sumber bagi ternakan fidlot untuk pedaging. Pada masa yang lampau pelbagai pendekatan telah diambil melalui penubuhan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara(MAJUTERNAK) pada tahun 1972 tetapi tidak berjaya dan dibubarkan pada tahun 1982. Kemudian diikuti oleh kegagalan Pusat Fidlot Nasional Negara.

Pemerhatian daripada umum mungkin menampakkan cabaran pengeluaran lembu secara tempatan mudah diselesaikan. Ianya bukan semudah yang difikirkan kerana masalah yang dihadapi oleh industri ini adalah kompleks. Misalnya harga daging segar tempatan adalah LEBIH RENDAH berbanding dengan harga di Indonesia, Thailand dan Vietnam. Dengan harga yang rendah pulangan ke atas pelaburan di dalam industri juga rendah dengan risiko yang tinggi. Ini yang menyebabkan hanya usahawan yang secara tradisinya terlibat di dalam industri terus

terlibat dan tidak dapat menarik minat pelabur baru. Selain itu kawasan penternakan terhad di mana banyak syarikat kelapa sawit juga tidak menunjukkan minat untuk menternak lembu di bawah tanaman kelapa sawit. Ini adalah sebahagian daripada isu yang dihadapi oleh industri.

Usaha untuk mewujudkan konsortium telah dibuat beberapa tahun yang lepas dengan melibatkan tiga agensi kerajaan dan syarikat milik kerajaan tetapi ketiga-tiga entiti tersebut gagal menubuhkan konsortium yang diharapkan. Walaubagaimana pun tidak ada apa-apa sekatan untuk melihat dan menilai semula untuk mewujudkan konsortium jika ianya dapat menjayakan industri ternakan negara.

Disediakan oleh;

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
12 September 2017**